

Bahagian Dewan Undangan Negeri, PSUKPP



NEGERI PULAU PINANG

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS

MINIT PERSIDANGAN

30 OGOS 2021 – 2 SEPTEMBER 2021

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



MINIT PERSIDANGAN

**MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

Kandungan	Muka Surat
Minit Persidangan Hari Pertama (30 Ogos 2021)	1
Minit Persidangan Hari Kedua (1 September 2021)	19
Minit Persidangan Hari Ketiga (2 September 2021)	26

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 30 Ogos 2021 (ISNIN)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Mohamed Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L. Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah Bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 30 haribulan Ogos 2021 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas melalui pengisytiharan bertarikh pada 29 Julai 2021 dan diwartakan pada 2 Ogos 2021.

3. UCAPAN OLEH T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. YAB. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang. YB. Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang. YB. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor, Ketua Pembangkang. YB. Dato' Dr. Amar Pritpal bin Abdullah, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, saya diberikan kesempatan untuk menghadiri dan menyampaikan ucapan perasmian, bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas pada pagi yang mulia dan barakah ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YABhg. Tun Dato Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Hj. Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang ketujuh dan isteri, YABhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff. YABhg. Tun dan isteri banyak menabur bakti dan jasa yang tidak terhingga kepada Negeri Pulau Pinang.

Saya juga mengucapkan ucapan terima kasih kepada kepimpinan YAB. Ketua Menteri kerana mentadbir Negeri Pulau Pinang dengan baik di saat negeri dan negara kita yang tercinta ini dilanda pandemik COVID-19. Negeri Pulau Pinang kini berada dalam Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara. Saya percaya YAB. Ketua Menteri dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta jentera pentadbiran kerajaan yang diketuai oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan tugas sebaik mungkin bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa. Sesungguhnya, pandemik COVID-19 ini amat menguji barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang mana ianya belum pernah dialami sebelum ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah, kepada YAB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan. Semoga perkembangan ini akan membolehkan tumpuan diberikan untuk menangani krisis pandemik COVID-19 dan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi bagi membela kesejahteraan rakyat.

KEDUDUKAN SEMASA EKONOMI NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Hasil Negeri Pulau Pinang yang berjaya dikutip bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM467.56 juta iaitu 90.06% daripada Anggaran Hasil Tahun 2020 sebanyak RM519.16 juta. Bagi tahun 2021 pula setakat 30 Jun 2021, hasil yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM386.90 juta, iaitu 76.46% daripada Anggaran Hasil Tahun 2021 sebanyak RM506.02 juta. Saya dimaklumkan bahawa hasil sedia ada tidak dapat dikutip sepenuhnya disebabkan pengecualian kutipan hasil yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri ekoran situasi pandemik COVID-19 antara pengecualian terbesar yang diberikan adalah cukai hiburan di mana pengecualian sepenuhnya diberikan sehingga 31 Disember 2021.

Selain daripada itu, hasil sewaan/pajakan juga diberikan pengecualian dari semasa ke semasa bagi membantu meringankan beban golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Kerajaan Negeri hendaklah mengorak langkah untuk mendapatkan hasil baru sejajar dengan kelangsungan pembangunan negeri.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, semua negeri mencatatkan penyusutan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2020. Pulau Pinang merekodkan penyusutan negatif 2.1% pada tahun 2020 berbanding pertumbuhan 3.8% pada tahun sebelumnya.

Penurunan di Pulau Pinang pada tahun 2020 adalah dipengaruhi oleh sektor perkhidmatan yang menguncup 5.7% dari 5.5% bagi tahun 2019, didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit penginapan dan makanan serta minuman. Selain itu, penurunan dalam sub sektor pengangkutan dan penyimpanan hartanah serta perkhidmatan perniagaan turut mempengaruhi prestasi sektor ini. Walau bagaimanapun pertumbuhan lebih baik dalam produk elektrik, elektronik dan optikal pada tahun 2020 menyokong prestasi sektor pembuatan untuk meningkat 2.8% daripada 2.7% pada tahun 2019. Pertumbuhan positif di sektor pembuatan sedikit sebanyak telah mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang.

Alhamdulillah, setakat ini prestasi pelaburan Pulau Pinang masih lagi menunjukkan data yang memberangsangkan. Pada tahun 2020, Pulau Pinang mencatatkan pelaburan pembuatan sebanyak RM14.1 bilion. Ini merangkumi 166 projek yang dijangka menghasilkan 13,268 peluang pekerjaan baru kepada negeri berdasarkan maklumat daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Pelaburan langsung asing menyumbang 75% atau sebanyak RM10.6 bilion manakala pelaburan langsung domestik melonjak 92% tahun ke tahun kepada RM3.5 bilion. Walaupun terdapat banyak ketidakpastian global, pencapaian pelaburan tahun 2020 adalah yang kedua tertinggi dalam sejarah Pulau Pinang yang tertinggi sebelum ini adalah bagi tahun 2019 yang mencatat sebanyak RM16.9 bilion.

Pada suku tahun pertama 2021, Pulau Pinang telah mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM1.1 bilion bagi sektor pembuatan. Nilai pelaburan ini diperolehi daripada 42 buah projek yang dianggarkan akan mewujudkan sebanyak 2,328 peluang pekerjaan baru. Sebanyak 52% nilai pelaburan berasal daripada pelaburan langsung domestik dan 48% daripada pelaburan langsung asing.

Rekod Pulau Pinang untuk menarik pelaburan terbukti di mana baru-baru ini Syarikat Semiconductor Korea Selatan, Simtex Holding Incorporated telah memilih Pulau Pinang sebagai lokasi yang strategik untuk membangunkan kilang *printed circuit board and packing substrate* dengan jumlah pelaburan sebanyak RM508 juta di Batu Kawan. Kerajaan negeri amat mengalu-ngalukan pelaburan dari dalam dan luar negara serta yakin pelaburan ini akan dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

PERDAGANGAN, INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN USAHWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Penubuhan Majlis Penasihat Industri Pembuatan Pulau Pinang pada bulan April 2021 merupakan usaha untuk menjalinkan usahasama yang lebih berkesan dengan sektor industri. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang dan disertai oleh *Investpenang* merangkap urusetia Persatuan, Syarikat Zon Perindustrian Bebas Pulau Pinang, Persatuan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI). Perkongsian awam swasta (*Public Private Partnership*) yang kukuh adalah penting untuk memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk terus membantu industri dalam menangani wabak dan tetap relevan pada era Pasca Pandemik.

Selain daripada memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan, perkongsian dan sumber luaran dan '*Research And Development (R&D) dan Embedded Software*', Pulau Pinang juga komited untuk menerajui industri ekonomi digital sebagai pemacu baharu ekonomi negeri. Antaranya ialah memberi tumpuan kepada teknologi generasi baru seperti teknologi kecerdasan buatan (AI) *artificial intelligence, big data, Internet Of Things (IoT), Integrated Circuit (IC) Design* dan sebagainya. Industri ekonomi digital termasuk perkhidmatan perkongsian dan sumber luaran dengan pelaburan baru dan sedia ada daripada syarikat-syarikat seperti AMD Global Services, Clarivate, Citygroup, Jabil, Teleperformance, Synape, Starfive, UST Global dan banyak lagi dianggarkan telah mewujudkan lebih 12,000 pekerjaan di Negeri Pulau Pinang setakat ini.

Bagi menyokong Perniagaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) turut bekerjasama dengan pihak Shopee, platform e-dagang yang mempunyai lebih 27 juta pengunjung setiap bulan 40 dengan melancarkan platform *Penang e-mall app shoppe*. Kerjasama ini menyediakan saluran baru kepada komuniti perniagaan yang selama ini hanya bergantung kepada kaedah perniagaan secara tradisional dengan memanfaatkan platform perniagaan digital secara atas talian. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 dalam bentuk *voucher* diskaun yang diberikan kepada para pelanggan untuk berbelanja di platform Penang E-mall @ Shopee. Penang E-Mall telah membantu lebih dari 15,000 penjual di sekitar Pulau Pinang dalam proses pendigitalan perniagaan mereka. Daripada jumlah ini lebih dari 10,000 adalah penjual e-dagang baharu dan lebih dari 700 penjual daripadanya menjual produk halal.

PANDEMIK COVID-19

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi Negeri Pulau Pinang telah dilancarkan pada 28 Februari lalu sebagai langkah untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas pembekalan vaksin COVID-19 untuk rakyat Pulau Pinang. Sehingga 26 Ogos 2021 seramai lebih 1.101 juta penduduk Pulau Pinang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin iaitu bersamaan dengan 62.1% populasi penduduk. Daripada jumlah tersebut, seramai lebih 711,454 telah melengkapkan dua (2) dos vaksin iaitu bersamaan dengan 40.1% populasi penduduk. Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa 100% populasi penduduk yang berumur 18 tahun ke atas akan menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin pada awal bulan September 2021. Oleh itu, bekalan vaksin yang mencukupi adalah amat penting untuk memastikan kejayaan program vaksinasi di negeri ini.

Bagi mengawal perebakan virus COVID-19 dengan lebih berkesan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan program saringan masa dalam komuniti secara bersasar yang dikenali sebagai Penang Saring COVID-19 (PSC-9). Program saringan ini telah bermula pada 5 Julai 2021 dengan menggunakan strategi 3T (*testing, tracing, treatment*) bertujuan mengenal pasti, mengasingkan serta merawat individu pembawa COVID-19, seterusnya memutuskan rantai jangkitan dalam komuniti. Ujian saringan secara percuma ini disasarkan kepada individu yang tinggal di kawasan 'hotspot', ketua keluarga, golongan perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan, penjaja dan peniaga, pengusaha keperluan harian serta golongan berisiko.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri telah mengutamakan kebajikan rakyat melalui pemberian Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) yang telah dilaksanakan melalui tiga (3) fasa bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Pakej ini telah diberikan sejurus selepas pelaksanaan PKP yang pertama iaitu mulai bulan Mac 2020. Pakej bantuan ini masih diberikan sehingga kini dan secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM176.45 juta di mana sehingga 17 Ogos 2021, sejumlah RM149.61 juta telah disalurkan kepada penerima yang berkelayakan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), para pemain industri utama serta golongan profesional di negeri ini telah berkolaborasi membentuk PgCare Alliance atau Gabungan PgCare bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Gabungan PgCare juga akan menyediakan platform yang neutral, inklusif serta saksama kepada semua golongan yang terkesan dan memerlukan bantuan akibat krisis kesihatan semasa. Platform digital ini akan diwujudkan di setiap Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan NGO berkaitan untuk berinteraksi secara terus dengan kelompok sasar di peringkat akar umbi. Bantuan akan diberikan dari segi bantuan makanan dan perlindungan, bantuan pekerjaan, sokongan kesihatan mental serta kewangan.

Sebagai langkah perancangan pemulihan ekonomi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Jawatankuasa khas ini dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang serta dianggotai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berkaitan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) serta wakil-wakil daripada industri berkaitan.

Enam (6) Jawatankuasa Kerja di bawah PSERCC telah ditubuhkan untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkenaan sektor-sektor yang terjejas.

- (i) Di bawah sektor industri/SMI/SME/peruncitan, sesi engagement giat dilaksanakan dengan wakil industri di samping menggalakkan pengusaha tempatan untuk beralih ke arah pendigitalan.
- (ii) Di bawah sektor pasaran tenaga kerja, Penang CAT Centre akan diperkasakan untuk menyediakan job bank di samping program-program peningkatan kemahiran pekerja yang telah dikenal pasti.
- (iii) Di bawah sektor perumahan pula, lebih banyak Rumah Mampu Milik (RMM) akan disediakan selain memberi insentif kepada pemaju perumahan dalam usaha mengurangkan kos kepada pembeli.

- (iv) Di bawah sektor infrastruktur, kerja-kerja penaiktarafan capaian internet fiber optik dilaksanakan berdasarkan Penang Connectivity Master Plan (PCMP) untuk menyediakan kemudahan internet berkelajuan tinggi.
- (v) Bagi sektor pelancongan, matlamat utama pada masa ini adalah berfokuskan kepada penyediaan kawasan selamat untuk pelancong di samping merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.
- (vi) Di bawah sektor industri makanan pula, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan untuk memastikan bekalan makanan adalah mencukupi dengan harga berpatutan selain memastikan premis pengusaha mempunyai tahap kebersihan yang tinggi.

Besarliah harapan saya agar semua pihak iaitu dari pimpinan Kerajaan Negeri, penjawat awam, pemain-pemain industri dan seluruh rakyat berganding bahu dalam satu pasukan untuk kita bangkit bersama bagi membolehkan aktiviti kehidupan rakyat Pulau Pinang dan ekonomi negeri dapat kembali seperti sedia kala.

PROJEK TAMBAKAN PULAU PINANG SELATAN (*PENANG SOUTH RECLAMATION*)

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sebagai langkah untuk mengembangkan dan menjana ekonomi Pulau Pinang pada masa hadapan, Kerajaan Negeri telah merangka pelaksanaan projek tambakan *Penang South Reclamation* (PSR) yang melibatkan kawasan kira-kira 4,500 ekar pulau buatan. Pelaksanaan projek ini masih lagi tertakluk kepada kelulusan *Environmental Management Plan* (EMP) yang telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 31 Mei 2021. Di samping itu, sebagai persediaan untuk memulakan kerja setelah EMP diluluskan, perunding arkitek antarabangsa telah dilantik iaitu Bjarke Ingels Group (BIG) dengan dibantu perunding perancang bandar tempatan AJC Planning Consultants Sdn. Bhd. dalam merancang cadangan pembangunan fizikal bagi ketiga-tiga pulau ini kelak. Bagi tujuan perancangan ini aspek alam sekitar, mobiliti, penggunaan pengangkutan awam dan lain-lain telah diberi penekanan. Selain daripada itu, perancangan juga telah dimulakan bagi mereka bentuk infrastruktur utama jalan yang akan menghubungkan pulau-pulau buatan tersebut.

Saya juga berharap agar perbincangan susulan dengan nelayan yang terlibat dengan projek ini dilakukan secara berterusan walaupun terdapat sebahagian daripada nelayan yang telah menyatakan hasrat mereka untuk hanya berbincang dengan Kerajaan Negeri setelah bantahan mereka terhadap kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar diputuskan oleh Panel Lembaga Rayuan Alam Sekitar. Rayuan ini pada awalnya ditetapkan untuk pendengaran pada 12 hingga 14 Julai 2021 tetapi telah ditunda kepada 6 sehingga 9 September 2021.

Kerajaan Negeri tetap kekal dan komited dengan mekanisma pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) bagi projek PSR melalui pakej tawaran yang telah diumumkan yang antara lain termasuk bayaran suguhati tunai, pemberian bot dan enjin serta lain-lain kemudahan bagi memastikan nelayan yang terlibat dapat kekal sebagai nelayan setelah projek ini dilaksanakan. Kebajikan dan masa depan nelayan yang terjejas oleh PSR akan terus diberi perhatian dalam Jawatankuasa Taskforce Nelayan yang dipengerusikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri 1. Di bawah pakej SIMP juga terdapat perancangan untuk para nelayan seperti peluang pekerjaan, perniagaan dan lain-lain selaras dengan kemajuan projek ini kelak. Program ini sedang diselaraskan oleh sebuah jawatankuasa dan dijenamakan sebagai Program Penglibatan Komuniti (PELITAKU).

HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN PEMERKASAAN KOMUNITI

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam menjayakan wawasan untuk umat Islam khususnya dan rakyat Pulau Pinang amnya, Kerajaan Negeri telah melancarkan Gagasan Khaira Ummah 2030 pada 19 Ogos 2020 bersamaan 1 Muharram 1442 Hijrah di Masjid Albukhary Bandar Sri Pinang. Pelan ini merupakan misi pembangunan yang akan merangkumi lima teras utama iaitu Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah.

Demi menyampaikan hasrat dan kesungguhan pentadbiran Islam negeri ini kepada umat Islam, sejumlah 70 program telah dikenal pasti di bawah Khaira Ummah 2030 dalam sesi induksi yang telah diadakan pada September 2020 dan lapan (8) sesi jelajah penerangan telah diadakan di masjid-masjid Pulau Pinang. Program Pasar Koperasi Ummah telah diadakan pada 10 April 2021 dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pulau Pinang sebagai salah satu (1) program di bawah Khaira Ummah 2030. Program tersebut telah menyediakan ruang niaga kepada usahawan muslim untuk menjual produk keluaran syarikat Islam. Peranan dan sumbangan anak muda akan diiktiraf sebagai tunjang Khaira Ummah dan martabat masjid akan diangkat sebagai pusat pembangunan ummah menjelang tahun 2030 nanti melalui pelaksanaan Khaira Ummah 2030 ini. Pelaksanaan program ini sedikit sebanyak terjejas dengan pandemik COVID-19 pada tahun lepas dan tahun ini. Insya Allah program ini akan diteruskan dan dipertingkatkan apabila keadaan mengizinkan kelak.

Saya juga berbesar hati melihat komitmen Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan pembangunan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi pelaksanaan projek pembangunan di Pusat Falak Sheikh Tahir, seluruh masjid dan surau, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Pejabat Agama Daerah, Kompleks Darul Hidayah bagi saudara baru Islam dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) untuk kemudahan para pelajar dan kakitangan. Komitmen ini ditingkatkan dengan kelulusan peruntukan pembangunan tahun 2021 adalah sebanyak RM18.61 juta iaitu peningkatan sebanyak RM7.518 juta dari tahun lepas.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah membina banyak masjid baharu serta menaiktaraf masjid di Negeri Pulau Pinang. Projek masjid yang telah siap pada tahun 2020 ialah Masjid Jamek Kampung Rawa di Daerah Timur Laut dan Masjid Albukhary. Masjid Qaryah Bandar Tasek Mutiara di Simpang Ampat, SPS telah siap pada April 2021 dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Turut diluluskan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah cadangan pihak JHEAIPP untuk menjadikan Masjid Terapung Tanjung Bungah sebagai Masjid Daerah bagi Daerah Timur Laut dan kini sedang dalam proses penambahbaikan prasarananya oleh pihak JHEAIPP.

Pada masa ini, enam (6) buah masjid baharu sedang dalam pembinaan iaitu Masjid Sungai Nibong Besar di Bayan Baru, Masjid Permatang Bogak di Kepala Batas, Masjid Al-Qahhar di Permatang Damar Laut, Masjid Perai, Masjid Taman Pelangi di Perai dan Masjid Jamek Sungai Puyu di Butterworth. Manakala tiga (3) lagi projek masjid akan dimulakan dalam tempoh terdekat iaitu Masjid Papan di Kampung Pertama, Seberang Perai Tengah, Masjid Sungai Lokan di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara dan Masjid Bandar Cassia di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan yang dicadangkan sebagai Masjid Bandaraya Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri terus prihatin dengan perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah Islam yang merangkumi Sekolah Agama Rakyat, Kelas KAFA, Maahad Tahfiz, Pusat Tahfiz, Sekolah Rendah dan Menengah Tahfiz, pondok-pondok pengajian tradisional serta Sekolah Rendah dan Menengah Agama Rakyat yang kini berjumlah 331 buah di Negeri Pulau Pinang. Pembinaan baharu institusi Pendidikan Islam juga tidak diabaikan oleh Kerajaan Negeri melalui pembinaan:

- (i) Sekolah KAFA Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas yang telah siap dibina pada awal tahun 2020;
- (ii) Sekolah Agama Rakyat Tuan Guru di Tanjong Tokong pada tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun ini;
- (iii) Sekolah Agama Rakyat Bertam Putra, Kepala Batas yang dijangka siap pada 2022;
- (iv) Sekolah Agama Madrasah Al-Ittihadiyah Al-Wataniyah di Cherok Tok Kun, Seberang Perai Tengah telah dimulakan pada 2021 dan dijangka siap pada 2023; dan
- (v) Sekolah KAFA Masjid Daerah Seberang Perai Utara di Telok Air Tawar telah dimulakan pada 2021 dan dijangka siap pada 2023.

Kerajaan Negeri juga telah memberikan bantuan khas kewangan di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan jumlah **RM1.095 juta** sebagai bantuan langsung kepada 600 buah surau, 935 orang guru-guru Sekolah Agama Rakyat dan 55 orang Pemegang Tauliah mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menerapkan budaya 'Revolusi Industri 4.0' dalam bidang pendidikan seiring dengan visi Penang2030. Melalui Pusat *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* Kerajaan Negeri iaitu *Tech Dome Penang, Penang Science Cluster, Penang Digital Library* dan *Penang Skills Development Centre*, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program STEM untuk pelajar sekolah melalui inisiatif seperti *MakerLab, Coding-For-All, Penang International Science Fair* dan banyak lagi yang telah memanfaatkan lebih daripada 280,000 orang pelajar. Inisiatif-inisiatif ini menyokong aspirasi Kerajaan Negeri untuk terus membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi bagi menyokong kepelbagaian ekonomi negeri dan mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai "*Silicon Valley of Asia*". Sememangnya modal insan merupakan faktor yang utama dalam menentukan kemajuan sesebuah negeri.

Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) telah dilancarkan pada 17 Oktober 2020 yang memperlihatkan perkhidmatan Penang Digital Library dimanfaatkan kepada penduduk di bahagian Seberang Perai. Sebuah bangunan Dewan Ria tiga (3) tingkat dengan keluasan 20,000 kaki persegi telah dibangunkan sebagai BDL yang menjadi tumpuan ramai orang di Seberang Perai. Kerajaan Negeri telah membangunkan BDL dengan kos berjumlah RM6.6 juta dengan usahasama pihak MBSP dan Think City Bhd.

Selain itu, melalui InvestPenang, Kerajaan Negeri telah menawarkan Skim Insentif "*Penang i4.0 Seed Fund*" untuk membantu para usahawan tempatan berasaskan teknologi start-ups bagi membina, menarik dan mengekalkan usahawan-usahawan di Pulau Pinang. Sejak penubuhannya, Penang i4.0 Seed Fund telah membantu 27 start-ups. Di bawah skim ini, setiap start-ups menerima dana antara RM50,000.00 sehingga RM250,000.00 untuk membangunkan perniagaan berasaskan teknologi dalam bidang seperti Analisis Data Raya ("*Big Data Analytics*"), "*e-commerce*", "*IoT*", "*Advance Manufacturing*", platform pemantauan kesihatan dan sebagainya. *Success stories* yang telah tercipta melalui skim ini adalah seperti *Good Foodie Media, Food Market Hub, Telebot Technologies* dan *Safetruck*.

Selain itu, keupayaan Pulau Pinang dalam bidang Sains dan Teknologi juga terbukti apabila menerima pengiktirafan oleh organisasi antarabangsa melalui pemilihan Negeri Pulau Pinang sebagai tuan rumah bagi penganjuran Kongres Dunia Teknologi Maklumat (*World Congress On Information Technology*), iaitu Sukan Olimpik untuk industri teknologi maklumat.

PEMBANGUNAN SOSIAL DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Dalam usaha memastikan setiap lapisan masyarakat tidak tercicir dalam pembangunan negeri, Kerajaan Negeri telah menggubal Dasar Keterangkuman Gender pada tahun 2019. Konsep keterangkuman gender telah diguna pakai dalam pelaksanaan inisiatif di bawah Kerajaan Negeri antaranya *Gender Responsive and Participatory Budgeting*. Kerajaan Negeri juga mengambil perhatian serius berkenaan peningkatan kes keganasan rumah tangga khususnya dalam tempoh pandemik. Maka, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Keluarga Selamat pada Julai 2020 bertujuan untuk menubuhkan sistem sokongan oleh agensi kerajaan, pertubuhan komuniti dan pertubuhan agama untuk mangsa-mangsa keganasan rumah tangga. 29 pusat khidmat ADUN dan lapan (8) pertubuhan bukan kerajaan telah dilantik sebagai “*First Support Points*” untuk memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga serta membuat rujukan kes.

Saya juga bangga dengan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memacu pembangunan wanita dalam aspek kepimpinan dan ekonomi. Sidang Wanita yang pertama di Malaysia iaitu satu simulasi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada Julai 2020 untuk merapatkan jurang gender di dalam bidang politik. Seramai 40 peserta yang terpilih menghadiri persidangan Sidang Wanita mencerminkan bakat dan kebolehan para wanita dalam memainkan peranan wakil rakyat membahas isu-isu semasa. Pada tahun ini, Sidang Wanita 2021 akan diteruskan pelaksanaannya menerusi persidangan secara atas talian. Selain itu juga, Pulau Pinang sedang berusaha dan dalam peringkat penelitian untuk memperkenalkan inisiatif *Top-Up Women-Only Additional Seats (TWOAS)* atau Kerusi Tambahan Untuk Wanita bagi memastikan 30% perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa prihatin dalam mengekalkan keharmonian beragama di kalangan penduduk dan menawarkan perkhidmatan serta kemudahan yang asas dalam membantu penduduk mengamalkan hal ehwal keagamaan mereka tanpa sebarang halangan. Salah satu kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam perkara ini adalah, memperuntukkan tanah seluas 22 ekar di Daerah Seberang Perai Utara yang bernilai RM17.654 juta dengan infrastruktur asas yang bernilai RM9.2 juta. Sebanyak 35 Persatuan Keagamaan yang terdiri daripada Taoisme, Buddhisme, Hinduisme, Kristianiti dan lain-lain telah dipertimbangkan untuk ditawarkan tanah di atas tapak tersebut. Dijangka dalam tempoh dua (2) tahun beberapa Rumah Ibadat Bukan Islam akan dibangunkan dan mula beroperasi untuk orang awam di atas tapak tersebut. Penawaran tanah kepada 35 persatuan keagamaan selain Islam yang berbilang kaum ini mampu mengekalkan keharmonian beragama di Negeri Pulau Pinang selaras dengan hasrat wawasan Penang2030.

PERUMAHAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Negeri Pulau Pinang dalam langkah menjayakan agenda bertemakan Penang2030: *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation* di bawah teras mendayakan kehidupan dan peningkatan kualiti telah berjaya melepasi komitmen menyediakan perumahan yang selesa dan mencukupi bagi setiap kategori kemampuan golongan B40 dan M40. Kerajaan Negeri Pulau Pinang semenjak 2008 hingga kini telah berjaya memastikan sebanyak 38,190 Rumah Mampu Milik A, B dan C siap dibina manakala 19,640-unit pula sedang dalam pelbagai fasa pembinaan dan 61,286-unit pula berada di peringkat perancangan. Jika dihitungkan kesemuanya berjumlah 119,116 unit dan telah melepasi jumlah komitmen 75,362 unit seperti dinyatakan di dalam Manifesto 100 Hari Perumahan untuk semua. Usaha ini akan digandakan lagi mengambil kira sasaran ditetapkan di dalam Visi Penang2030 iaitu penyediaan 220,000 Rumah Mampu Milik merangkumi pelbagai jenis rumah termasuk rumah sewa dan PPR. Sebanyak 10% atau 22,000 unit dari rumah mampu milik yang bakal dibina ini pula disasarkan untuk dilaksanakan secara sewa beli bagi membantu kelompok yang sukar mendapatkan pembiayaan. Sehingga kini sebanyak 2,510 unit kediaman sedia dan dalam perancangan untuk ditawarkan di bawah inisiatif ini. Mengambil kira ada golongan yang tidak mampu untuk memiliki kediaman sendiri, pembinaan unit-unit sewa pada kadar sewa yang rendah amatlah diperlukan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mencadangkan lima (5) lokasi cadangan pembinaan PPR di setiap daerah kepada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri sejak 2014 merancang pembinaan 19 projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sekurang-kurangnya 22,028 unit perumahan mampu milik melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan penswastaan di bawah Perbadanan Ketua Menteri. Bermula 2021 selari dengan penubuhan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), usaha penyediaan Rumah Mampu Milik ini dipusatkan di mana sebanyak 10 lokasi tapak telah dikenal pasti bagi tujuan pembangunan Rumah Mampu Milik yang bakal menyediakan sekitar 20,912 unit kediaman.

Kerajaan Negeri turut membelanjakan purata RM18.0 juta setahun dalam menyelenggara Rancangan Perumahan Awam di kelima-lima daerah dimana sejak 2008 hingga 2021 sebanyak RM202.9 juta telah dibelanjakan termasuk khusus bagi tahun 2021 sebanyak RM21.67 juta. Sebanyak RM28.27 juta pula peruntukan penyelenggaraan di skim-skim perumahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Selain itu Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada penyelenggaraan Skim Perumahan Kos Rendah/Sederhana Rendah swasta melalui inisiatif Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% (TPM80) bernilai RM45.24 juta telah diluluskan sejak tahun 2013. Keseluruhan peruntukan terkumpul Kerajaan Negeri ini bagi penyelenggaraan perumahan awam dan swasta yang layak mencecah RM276.4 juta membuktikan keprihatinan kerajaan dalam menyediakan perumahan yang selesa dan selamat.

Penang2030 telah menetapkan sasaran penyediaan kawasan hijau untuk tujuan rekreasi dan riadah bagi penduduk Negeri Pulau Pinang. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk melaksanakan Projek Gurney Wharf melibatkan kawasan seluas 96.46 ekar di kawasan projek tambakan laut Seri Tanjung Pinang Fasa Dua (2) (STP 2) berhampiran Gurney Drive, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Fasa satu (1) projek ini dijangka siap pada hujung tahun 2022 yang melibatkan skop kerja-kerja landskap, penyediaan kawasan *promenade*, *skate park*, kiosks, tandas awam, kedai serbaneka, *viewing deck*, kemudahan permainan kanak-kanak, sistem saluran bawah tanah, kawasan wetlands, laluan pejalan kaki dan tempat meletak kenderaan. Fasa dua dan penambakan dua (2) *water bodies* dijangka siap pada hujung tahun 2023. Kos projek dianggarkan berjumlah RM200 juta.

ALAM SEKITAR

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri komited untuk mengimbangi pemeliharaan dan perlindungan hutan serta meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri ini. Pada 26 Mac 2020, Kerajaan Negeri telahewartakan seluas 285.84 hektar kawasan Pulau Jerejak sebagai Hutan Simpanan Kekal (No. Warta 322). Kawasan yang telah diwartakan sememangnya mempunyai ciri-ciri kepentingan biologi dan juga nilai warisan sejarah bagi Negeri Pulau Pinang. Usaha pewartaan ini secara tidak langsung menyaksikan pertambahan litupan hutan di Negeri ini iaitu sebanyak 4.3% atau seluas 6,568.77 hektar yang telah diwartakan di bawah perundangan untuk melindungi sumber khazanah hutan.

Sebagai langkah untuk menjamin bekalan air negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan untuk mewartakan seluas 6,288.295 hektar Kawasan Tadahan Air di bawah Enakmen Pembekalan Air (EPA) 1998, Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahan) tahun 2004, iaitu pada 2 Disember 2004. Pewartaan kawasan tadahan ini meliputi seluas 3,565 hektar Hutan Simpanan Kekal (HSK). Ini bermakna 70% Hutan Simpanan Kekal di Negeri Pulau Pinang telah dikhususkan untuk tujuan perlindungan kawasan Hutan Tadahan Air sejak tahun 2004. Pada 2 Disember 2020, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan seluas 3,790.54 hektar Hutan Simpanan Kekal untuk diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah seksyen 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984. Kerja-kerja pewartaan ini sedang dalam proses akhir dan bakal menyaksikan jumlah keluasan HSK untuk tujuan pewartaan bertambah sebanyak 5%.

Pewartaan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam pemantapan amalan pengurusan khazanah hutan secara lestari di negeri ini mencakupi aspek konservasi kepelbagaian biologi, pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi. Sasaran *outcome* menerusi kejayaan pewartaan ini dapat memberi jaminan kawasan hutan simpanan kekal akan terus kekal kewujudannya (*security of tenure*) di samping menambah kemampuan penyerapan karbon bagi kestabilan iklim di negeri ini.

KEBAJIKAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang. Program i-Sejahtera berperanan sebagai satu (1) sumbangan penghargaan kepada rakyat Pulau Pinang yang menyumbang kepada pembangunan negeri sama ada secara langsung mahupun tidak langsung antaranya kepada golongan warga emas, ibu tunggal, OKU, ibu emas dan anak emas. Pada tahun 2020, seramai 250,166 orang penerima manfaat di bawah Program i-Sejahtera dengan perbelanjaan RM34.87 juta. Pada tahun 2021, jumlah penerima bagi Fasa Satu (1) adalah seramai 222,526 orang dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM30.84 juta.

Kejayaan Mutiara Foodbank sememangnya memberikan satu (1) impak positif kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hal ini dibuktikan apabila program ini menjadi model contoh kepada Kerajaan Persekutuan semasa menubuhkan Yayasan Foodbank Malaysia. Sejak bermula penubuhan Mutiara Foodbank pada tahun 2017 sehingga kini, 1,082 tan makanan telah berjaya diselamatkan yang memberi manfaat kepada 63,238 orang penerima. Selain itu, Unit Mutiara Foodbank juga telah menerima barangan kering daripada pelbagai pihak sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada Mac 2020 sehingga kini berjumlah RM253,628.00 yang memberi manfaat kepada 14,890 orang penerima yang memerlukan. Penyaluran bantuan ini sudah semestinya meringankan beban kos sara hidup penerima manfaat lebih-lebih lagi ketika rakyat negeri ini sedang menghadapi kesan buruk penularan

pandemik COVID-19.

Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan pek bekalan makanan. Pada tahun 2020, sejumlah Ringgit Malaysia satu juta (RM 1 juta) telah diperuntukkan bagi membiayai 20,000 pek bekalan makanan tambahan kepada kumpulan sasar yang merangkumi penerima bantuan JKM, AES, penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan lain-lain golongan yang terkesan. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM540,000.00 bagi tujuan pembelian pek bantuan makanan yang memberi manfaat kepada 10,800 orang penerima yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri turut memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM500.00 secara *one-off* kepada 18,087 orang penerima yang layak dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM9,043,500.00 bagi memastikan kelangsungan hidup penerima-penerima bantuan. Pada penghujung tahun 2020, 18,946 orang penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kebajikan (JKM) termasuk OKU dan Penerima Skim Agenda Ekonomi Saksama telah mendapat bantuan RM100 daripada Kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,894,600.00. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri memberikan bantuan khas kewangan sebanyak RM5,000.00 secara *one-off* kepada sejumlah 94 pusat jagaan kanak-kanak/warga emas/OKU/perindungan wanita di Pulau Pinang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM470,000.00.

Pusat Transit Gelandangan dibangunkan sebagai salah satu (1) inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan yang menjalani kehidupan bergelandangan di sekitar pusat bandar George Town. Kerja-kerja pembinaan bagi Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy telah bermula sejak 17 Februari 2020. Sehingga kini, kemajuan pembinaan projek telah mencapai 64% dan dijangka mula beroperasi pada Januari 2022. Pusat ini akan mempunyai kemudahan penginapan transit untuk gelandangan yang diasingkan mengikut jantina lelaki dan perempuan serta Orang Kurang Upaya (OKU) dengan anggaran kapasiti seramai 88 orang penghuni.

PROJEK TEBATAN BANJIR

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saya amat yakin Kerajaan Negeri dapat mengurangkan kejadian banjir dengan memberi tumpuan dalam usaha menjalankan projek tebatan banjir, pembinaan rumah pam, ban, pintu air, pengukuhan tebing sungai, mendalam dan melebar sungai, pencegahan hakisan pantai dan juga menaiktaraf struktur-struktur utama.

Pada tahun 2021, dua (2) projek *High Impact* iaitu, Projek Tebatan Banjir Parit Empat (4) dan Projek Tebatan Banjir Parit Lima (5) di Seberang Perai Tengah telah berjaya disiapkan pada Mei 2021 yang lepas, manakala Projek Tebatan Banjir Mak Mandin, Projek Tebatan Banjir Bayan Baru dan Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah dijangka akan disiapkan sebelum penghujung tahun 2021. Selain daripada itu, Projek Tebatan Banjir Membina Kolam Takungan Banjir di Alma sedang dalam pembinaan yang dijangka siap pada 1 November 2022. JPS Pulau Pinang juga akan melaksanakan baki satu (1) projek *High Impact* baru iaitu Projek Tebatan Banjir Menaiktaraf Sistem Saliran Sungai Nipah (Kampung Naran) di Belakang Lapangan Terbang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan kos projek sebanyak RM9.5 juta yang dijangka akan bermula pada penghujung Ogos 2021.

Selain daripada itu, Projek Tebatan Banjir Membina Kolam Takungan Banjir di Alma sedang dalam pembinaan yang dijangka siap pada 1 November 2022. JPS Pulau Pinang juga akan melaksanakan baki satu (1) projek *High Impact* baru iaitu Projek Tebatan Banjir Menaiktaraf Sistem Saliran Sungai Nipah (Kampung Naran) di

Belakang Lapangan Terbang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan kos projek sebanyak Ringgit Malaysia sembilan perpuluhan lima juta (RM9.5 juta) yang dijangka akan bermula pada penghujung Ogos 2021.

Selain daripada projek-projek di atas, JPS Pulau Pinang juga sedang dalam proses penyediaan tender untuk Projek Tebatan Banjir di Solok Van Praagh, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang akan menggunakan Peruntukan Kerajaan Negeri dan projek dijangka akan dimulakan pada Oktober 2021.

PELANCONGAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang paling terkesan dengan pandemik COVID-19 berikutan kawalan pergerakan yang dilaksanakan dan penutupan sektor ekonomi yang berkenaan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang 2021-2030 pada 3 Mei 2021 yang bertujuan untuk mendorong pertumbuhan sektor pelancongan negeri sehingga tahun 2030. Pelan ini dihasilkan berdasarkan input dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan termasuk agensi/jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, pengusaha sektor pelancongan, Badan Bukan Kerajaan, pendidik, pelajar dan pemimpin masyarakat. Pelan induk ini menetapkan matlamat dalam membangunkan sektor pelancongan yang lestari di Pulau Pinang serta mengukuhkan kedudukan kompetitif Pulau Pinang sebagai salah satu (1) destinasi utama.

Walaupun Negeri Pulau Pinang adalah dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa Dua (2) di mana aktiviti pelancongan tidak dibenarkan, Kerajaan Negeri masih memberikan perhatian kepada aktiviti promosi pelancongan untuk mengekalkan minat pelancong. Promosi-promosi dengan slogan '*Experience Penang Year*', kempen melalui radio dan media sosial serta promosi-promosi lain secara atas talian giat dilaksanakan. Strategi ini adalah bagi mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran tempatan dan luar negara dan seterusnya dapat memulihkan sektor pelancongan apabila dibenarkan beroperasi kelak.

Bagi meningkatkan keyakinan para pelancong, Kerajaan Negeri juga mempromosikan garis panduan serta langkah-langkah yang telah diambil dalam mewujudkan kawasan selamat daripada pandemik COVID-19.

BELIA DAN SUKAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan sukan pada masa ini menghadapi cabaran yang tinggi susulan pandemik COVID-19. Pelbagai program latihan dan penganjuran kejohanan-kejohanan terpaksa ditunda kesan daripada penularan wabak ini. Berikutan itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah mengkaji dan melaksanakan penstrukturan semula fokus hala tuju dan pewujudan tonggak pembangunan sukan bagi memastikan program latihan dan penyediaan atlet berprestasi tinggi pasca COVID-19 sebagai persiapan atlet Negeri Pulau Pinang diberikan keutamaan dan diteruskan untuk menghadapi SUKMA Johor 2022 nanti. Sebagai tambahan, pelantikan saya sebagai Penaung kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa pada 25 Ogos 2021 sebagai penasihat aktif dalam pentadbiran MSNPP juga diharap dapat membantu pentadbiran MSNPP untuk terus gemilang dalam merencana pertumbuhan sukan Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada itu, "*Penang Athlete Career Education*" (PACE) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2020 untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi dalam sukan dan juga pendidikan serta membina laluan kerjaya kepada atlet Negeri Pulau Pinang untuk memberikan tumpuan dan bantuan dalam aspek-aspek kebajikan atlet negeri

dengan mewujudkan satu (1) tabung kebajikan Negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Sejak penubuhan PACE, seramai 80 orang atlet Negeri Pulau Pinang telah menerima manfaat dan bantuan daripada Tabung Sukan Negeri Pulau Pinang.

Selaras dengan kelulusan cadangan pengambil alihan Penang FC Sdn. Bhd. pada 3 Februari 2021, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya PFC SB diletakkan sebagai anak syarikat (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dalam usaha membangunkan sukan bola sepak Negeri Pulau Pinang. Antara kejayaan PFC dalam kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2021 adalah di mana PFC kini menduduki tempat keempat (4) dengan 34 mata setakat 27 Ogos 2021.

Kerajaan Negeri melalui MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang dalam sudut pembangunan belia telah merancang untuk mewujudkan 40 Pusat Belia di Negeri Pulau Pinang di mana satu Pusat Belia akan diwujudkan di setiap KADUN Negeri Pulau Pinang bagi merangsang penglibatan belia dalam program-program dan aktiviti-aktiviti komuniti, menyediakan ruang aktiviti untuk para belia berinteraksi dan berkongsi idea-idea kreatif serta, menggalakkan penganjuran program belia di komuniti masing-masing. Pusat belia pertama iaitu Pusat Belia Penaga telah dirasmikan pada 11 April 2021. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut berbesar hati dengan kelulusan penggubalan undang-undang Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 bagi Penurunan Had Umur calon ADUN daripada 21 tahun ke 18 tahun pada 11 Ogos 2021 di mana Rang Undang-Undang ini memperuntukkan kelayakan umur bagi menjadi anggota Dewan Undangan Negeri hendaklah 18 tahun atau lebih. Rang undang-undang ini akan dibentangkan dalam Sidang DUN ini.

Bagi sudut pembangunan kerjaya belia, "*We Want You*" yang dilancarkan pada 2020 merupakan portal carian kerjaya yang menyediakan platform kepada golongan belia untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian di Negeri Pulau Pinang di mana syarikat dan majikan tempatan dapat mengiklankan peluang pekerjaan secara percuma. Setakat data pada 23 Ogos 2021, seramai 83 majikan yang telah mendaftar dalam pameran kerjaya ini dan jumlah pekerjaan yang ditawarkan adalah sebanyak 7,000 dan seramai 1,167 pemohon yang telah berdaftar.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Sijil Jurulatih Cemerlang dan Sijil Jurulatih Terpuji untuk memberikan pengiktirafan dan penganugerahan kepada jurulatih-jurulatih negeri yang telah menunjukkan perkhidmatan sebagai seorang jurulatih bertanggungjawab, komited, berdedikasi dan beramanah. Sijil Jurulatih Cemerlang tahun 2020 telah dianugerahkan kepada Cik Shamani a/p Ganesen bagi Sukan Memanah dan Encik Nasir bin Mohd Noor bagi Sukan Petanque, manakala 14 orang jurulatih lagi telah dianugerahkan Sijil Jurulatih Terpuji 2020.

Negeri Pulau Pinang sememangnya dikenali sebagai negeri yang telah melahirkan atlet sukan Tenpin Bowling bertaraf antarabangsa. Dalam usaha untuk mendorong pembangunan sukan Tenpin Bowling, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan pengecualian lesen hiburan dan duti hiburan ke atas aktiviti Tenpin Bowling di Negeri Pulau Pinang berkuatkuasa 1 Januari 2021 tertakluk kepada Garis Panduan Pengecualian Lesen dan Duti Hiburan.

Kerajaan Negeri berhasrat ianya dapat membantu sukan Tenpin Bowling dibangunkan dengan lebih pesat lagi dengan usahasama antara pengusaha-pengusaha Pusat Tenpin Bowling, Persatuan Tenpin Bowling Negeri Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan sukan Tenpin Bowling sebagai satu sukan utama berprestasi tinggi di Negeri Pulau Pinang.

AGROTEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri komited untuk meningkat hasil pengeluaran dan kualiti produk melalui program-program pengembangan dan projek pembangunan pertanian. Bagi mengukuhkan rantai nilai bekalan makanan sedia ada, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dalam perancangan menambah kawasan tumpuan pengeluaran tanaman makanan seperti mana yang telah dilaksanakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan di kawasan Ara Kuda dan Mayfield, dan di Taman Pertanian Permatang Pauh dan Batu Kawan. Taman Agroteknologi Pertanian Ara Kuda merupakan perancangan jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dengan kerjasama pihak PERDA untuk membangunkan kawasan projek pertanian moden dengan menggunakan pelbagai aplikasi teknologi agromakanan, seiring dengan perkembangan Revolusi Industri (IR4.0) di kawasan yang dikenali sebagai TKPM 2 Ara Kuda, seluas 147 ekar. Perkembangan IR4.0 menggalakkan pengoperasian secara automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan tenaga manusia dan ini juga membolehkan penjarakan fizikal dilaksanakan kerana aktiviti pertanian tidak memerlukan ramai pekerja melaksanakan satu-satu pekerjaan.

Kerajaan Negeri telah memulakan Projek Pembangunan Permatang Pauh Agro Park pada tahun 2017 di Seberang Perai Tengah untuk menarik lebih ramai golongan petani muda terutamanya dari Pulau Pinang untuk menceburi bidang pertanian. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan projek ini dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang. Pelbagai tanaman diusahakan oleh para peserta Permatang Pauh Agro Park seperti halia, sayur-sayuran serta tanaman unik seperti vanila yang diusahakan oleh *Kairos Agriculture*. Berikutan permintaan pasaran dan nilai komersialnya yang tinggi, tanaman vanila kini makin mendapat tempat dalam kalangan petani moden. Malaysia *First Vanilla Smart Farm* di Permatang Pauh Agro Park yang telah dirasmikan pada 15 Ogos 2020 telah mendapat pengiktirafan rasmi daripada *The Malaysia Book of Records*. Saya berharap agar usaha seperti ini dapat menjadi contoh kepada *agropreneur* muda terutama di Pulau Pinang untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian yang terbukti penting untuk menjana ekonomi setempat.

Penternakan moden merupakan hala tuju Kerajaan Negeri bagi memastikan industri penternakan di negeri ini dapat berkembang maju dan mapan dalam pelaksanaannya. Ianya dimulakan dengan pewartaan Enakmen Perladangan Babi pada tahun 2016. Sehingga kini, sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Seterusnya, semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022.

Pewartaan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 menjadi kesinambungan daripada Enakmen Perladangan Babi sebelumnya untuk memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Enakmen Perladangan Unggas buat masa ini dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan.

PENUTUP

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebagai rumusan, adalah menjadi harapan saya untuk melihat Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama semua warga kerja perkhidmatan awam, swasta dan rakyat negeri ini menggembeng tenaga serta daya fikir untuk menyumbang ke arah pembangunan negeri. Dalam hal ini, saya memohon agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berbahas dengan bijaksana, menyampaikan pandangan dan

cadangan yang bernas dan positif dalam membantu Kerajaan mengambil inisiatif dan menyediakan pelan serta langkah-langkah berkesan untuk mengembalikan kehidupan rakyat yang lebih baik, negeri yang aman dan makmur demi masa depan yang lebih cerah dan gemilang.

Walaupun negara sedang menghadapi tempoh pandemik, saya amat berharap agar projek-projek untuk kemudahan rakyat yang disusun dan dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dapat disiapkan mengikut jadual. Perkara ini penting bagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan terhadap rakyat di samping memacu ekonomi negara secara dalaman. Harapan saya supaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengira parti, Kerajaan atau pembangkang, dapat memberi fokus dan iltizam untuk membantu rakyat yang dalam kesusahan dan kegelisahan untuk meneruskan kehidupan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

Kemajuan pembangunan Negeri Pulau Pinang pada masa ini serta peningkatan permintaan dan keperluan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, tidak dapat dinafikan. Justeru, saya amat berharap supaya Kerajaan Negeri dapat meneruskan idea yang telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2015 dan juga tahun 2019 yang lalu untuk mendirikan bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang baharu. Ini ialah bagi keselesaan sidang dan bagi menampung jumlah Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai bertugas dan para media serta menambahbaik kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan. Semoga dengan wujudnya bangunan yang baru, fungsi dan keberkesanan Dewan Undangan Negeri serta jawatankuasa-jawatankuasa dibawahnya dapat dipertingkatkan. Adalah menjadi harapan saya juga agar bangunan baharu tersebut akan menjadi mercu tanda kemegahan rakyat dan negeri ini dalam mendokong sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berpelembagaan di negara kita. Justeru, saya berharap YAB Ketua Menteri dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan berkenaan mengambil tindakan susulan sewajarnya bagi merealisasikan hasrat bersama kita ini.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan usaha daripada seluruh anggota Perkhidmatan Awam yang terlibat dalam menyumbang ke arah pembangunan, keamanan dan kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua *frontliner* yang telah bekerja keras dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19.

Harapan saya adalah agar Negeri Pulau Pinang dapat beralih ke Fasa Tiga (3) Pelan Pemulihan Negara dalam masa terdekat di mana lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dapat dibuka. Saya juga berharap rakyat dapat kembali menjalani kehidupan normal dan menikmati kegemaran biasa yang tidak dapat diperolehi dalam tempoh PKP. Perlu diingat Pematuhan kepada SOP hendaklah sentiasa diamalkan dan diutamakan dalam kehidupan norma baharu ini.

Saya juga menyeru kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang, tidak kira agama, bangsa dan budaya agar mengutamakan kesejahteraan hidup bersama secara aman dan damai. Adalah penting bagi kita menghayati semangat kenegaraan yang membantu kita mencapai kemerdekaan demi kepentingan bersama dan masa depan negara. Bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2021 ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Malaysia yang Ke-64.

Akhir kata, saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri yang tercinta ini dari sebarang unsur negatif supaya kita terus maju, makmur dan mendapat perlindungan dari Yang Maha Esa.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas. Selamat Bersidang di Dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

4. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan bahawa Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Rabu, 1 September 2021 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 1 September 2021 (RABU)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Mohamed Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L. Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah Bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu Allahyarhamah Hajah Zabariah Binti Wahab pada 22 Julai 2021 dan mendiang Dato' Kee Pek Cheen pada 20 Ogos 2021.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan semasa berlangsungnya Persidangan kali ini dan tidak akan berhenti rehat dan boleh berbuat demikian mengikut kesesuaian masa masing-masing.

Pada sesi kali ini sejumlah 69 Soalan Lisan, 670 Soalan Bertulis, satu Rang Undang-Undang dan satu Usul akan dipertimbangkan.

3. PEMBENTANGAN RISALAH

- | | | |
|-------------------|---|--|
| Bil. 1 Tahun 2021 | - | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019
- Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Siri 1) |
| Bil. 2 Tahun 2021 | - | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019
- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pulau Pinang |
| Bil. 3 Tahun 2021 | - | Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 |
| Bil. 4 Tahun 2021 | - | Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 |
| Bil 5 Tahun 2019 | - | Penyata Kewangan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Tahun 2019 |

4. SOALAN-SOALAN LISAN

YB. Ahli Kawasan Penanti menjawab soalan-soalan bersama iaitu soalan No. 1, 11, 15, 17, 20, 21, 20, 37, 38, 39, 44, 62 dan 68 berkaitan topik COVID-19 seperti mana yang diminta oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Senaraikan kluster industri yang masih aktif dan telah tamat di Pulau Pinang dan nyatakan jumlah kes positif setiap kluster.
 - (a) Apakah tindakan terhadap kilang yang berlaku kluster COVID-19?
 - (b) Nyatakan kilang dan jumlah pekerja menyertai saringan sektor industri anjuran Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FFM).
 - (c) Nyatakan kilang dan jumlah pekerja yang menyertai Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

11. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membendung masalah mental terutamanya tekanan akibat COVID-19?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

15. Berapakah kos keseluruhan vaksinasi di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan belanjawan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat dalam program vaksinasi negeri ini.
 - (b) Mengapakah Kerajaan Negeri boleh tertipu dengan scammer sebanyak 2 juta dos vaksin?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

17. Kes positif COVID-19.
- (a) Mengapakah berlakunya peningkatan mendadak di Malaysia khususnya di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai masalah dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menguruskan hal ini?
 - (c) Apakah pandangan Kerajaan Negeri mengenai kuarantin sendiri? Bukankah ianya akan meningkatkan lagi kes positif COVID-19?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Lee Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

20. Nyatakan pusat persampelan untuk pengambilan saringan di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Berapakah saringan harian yang diambil di Pusat Kesihatan Berapit?
 - (b) Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal golongan yang membuat saringan agar tidak berjalan atau parkir di luar pusat tersebut iaitu di taman perumahan dan menyebabkan kerisauan masyarakat setempat?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lin Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan bilangan kematian daripada wabak COVID-19 setiap bulan di Pulau Pinang sejak tahun lepas.
- (a) Berapakah jumlah dos pertama dan kedua vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZaneca yang diberikan setiap bulan sejak tahun lalu mengikut daerah?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

30. Sejauh manakah sistem kesihatan awam negeri Pulau Pinang bersedia untuk berdepan dengan penularan varian Delta COVID-19 yang lebih mudah merebak serta menjangkiti individu lain dengan lebih pantas?
- (a) Bilakah jangkakan herd immunity boleh dicapai di Pulau Pinang?
 - (b) Adakah vaksin yang disuntik kini mampu untuk melindungi rakyat daripada varian Delta dan Lambda?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

37. Masa bertindak (*response time*) untuk pesakit COVID-19.
- (a) Apakah kadar masa bertindak Jabatan Kesihatan Negeri terhadap pesakit COVID-19 mengikut daerah di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah kadar kes brought-in-dead (BID) COVID-19 di Pulau Pinang mengikut daerah?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

38. Adakah Kerajaan Negeri menggunakan kesemua premis-premis kerajaan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) / pusat penempatan pesakit COVID-19?
- (a) Berapakah jumlah kematian berlaku di rumah akibat COVID-19 dan jenis-jenis varian baharu yang telah menular di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah kesannya kepada rakyat dan langkah-langkah baru diambil oleh kerajaan bagi membendungnya?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

39. Berapakah jumlah tangkapan dan denda mengikut daerah tidak patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa COVID-19 di Pulau Pinang?
- (a) Mengapakah Yang Berhormat Air Putih dan Pantai Jerejak tidak diambil tindakan apabila tidak patuh SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa menyertai demonstrasi di Dataran Merdeka pada 2 Ogos 2021? Adakah mereka dari warga kayangan? Mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

44. Mengapakah Pulau Pinang tidak dapat mencapai sasaran 100% penduduk dewasa yang menerima satu dos vaksin COVID-19 pada awal bulan Ogos seperti mana yang dicapai oleh Lembah Klang?
- (a) Bilakah satu Penyelaras Operation Surge Capacity di kalangan Ahli Parlimen yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dilantik untuk Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

62. Terangkan dengan jelas kebajikan yang diberikan kepada petugas barisan hadapan menentang COVID-19 dan kebajikan diberikan pada waris kematian berpunca COVID-19 yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- (a) Apakah bantuan kewangan dan lain-lain bantuan yang diberikan dalam negeri ini?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

68. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani peningkatan kes COVID-19 daripada kluster sektor pengilangan di tempat kerja dan penempatan pekerja di taman-taman perumahan, khususnya Seberang Perai Tengah (SPT) dan di KADUN Bukit Tengah?

5. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

6. USUL PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA DAN RANG UNDANG-UNDANG

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah mengusul kepada Dewan selaras dengan perkara 15(3) - Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bahawa aturan urusan mesyuarat dipinda untuk Dewan mempertimbangkan perkara pelantikan Ahli Dewan Negara bagi menggantikan Yang Berusaha Saudari Lim Hui Ying dan Tuan Mohamad Ismadi bin Mohd Yusuf yang telah tamat tempoh pada 26 Ogos 2021 dan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2021).

YB. Timbalan Ketua Menteri I telah mencadangkan Puan Fadhlina Binti Dato' Siddiq dan telah disokong oleh YB. Ahli Kawasan Padang Lalang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II telah mencadangkan pelantikan semula Saudari Lim Hui Ying dan telah disokong oleh YB. Ahli Kawasan Batu Maung.

Usul dipersetujui.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) telah membentangkan Usul Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021 mengenai penurunan had umur calon ADUN daripada 21 tahun ke 18 tahun dan disokong oleh YB. Ahli Kawasan Batu Maung.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Ahli Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor) telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2021.

Penggulungan perbahasan oleh Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee).

Usul telah dibacakan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui.

7. USUL OLEH YB. AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG DAN AHLI KAWASAN SERI DELIMA

8. PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS UCAPAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG.

Ahi Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsioa-Leung) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahi Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 2 September 2021 (KHAMIS)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Mohamed Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L. Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah Bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

- 1. BACAAN DOA**
- 2. SOALAN LISAN**

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

2. Difahamkan kerja fizikal Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan bermula pada bulan Januari tahun hadapan akan merangkumi pembinaan Jelutong diversion yang baru di mana ia akan dapat membantu mengurangkan beban diversion sedia ada.
 - (a) Anggaran bilakah pembinaan projek diversion baru ini dapat bermula? Saya berharap pembinaan ini dapat diutamakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

3. Projek Gurney Wharf.
 - (a) Apakah perkembangan terkini projek Gurney Wharf dan bilakah projek tersebut dijangka untuk bermula dan siap?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mempercepatkan projek tersebut?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan dan kaedah baru Kerajaan Negeri untuk mengatasi segala masalah penyelenggaraan yang berbangkit di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak?
 - (a) Adakah PPR Padang Tembak akan dibina semula?
 - (b) Adakah PPR Padang Tembak boleh dipindahkan ke lokasi yang lain?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

5. Kemudahan jaringan internet amat penting untuk pelajar (PdPR) dan dewasa kerja di rumah (online meeting). Ini menjadi masalah utama di kawasan luar bandar seperti di Balik Pulau kerana capaian jaringan internet amat lambat.
 - (a) Apakah syor Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

6. Sejauh manakah *climate resilient* bagi Negeri Pulau Pinang berdepan dengan bencana alam serta cuaca ekstrem?
 - (a) Terangkan secara terperinci tentang persiapan kerajaan bersiap siaga terhadap musim hujan tengkujuh serta kemarau.
 - (b) Sejauh manakah keberkesanan projek-projek tebatan banjir dalam menangani masalah banjir khususnya di kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem saliran yang sistematik?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

7. Apakah projek Jambatan Tanjong Berembang telah disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)?
 - (a) Jika telah siap, adakah telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR)?
 - (b) Jika belum, apakah sebab proses kelewatan ini berlaku serta tindakan kepada kontraktor tersebut?

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

8. Kes pengangguran terutama golongan belia semakin meningkat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan kehilangan kerja dan perniagaan mereka tidak dapat dijalankan.
 - (a) Apakah usaha/bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan belia tersebut untuk kemasukan semula dalam pekerjaan dan memulih perniagaan mereka selepas pandemik ini selain daripada hanya membekalkan latihan sahaja?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh Pulau Pinang dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini.
 - (a) Apakah sektor yang mencatatkan pelaburan yang positif dan berikan jumlah pelaburan yang diterima oleh sektor tersebut?
 - (b) Apakah insentif yang disediakan Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung domestik ke Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

10. Bagaimanakah pelaksanaan darurat dari 12 Januari sehingga 1 Ogos 2021 telah membantu ataupun menggendalakan pengurusan dan operasi Kerajaan Negeri?
 - (a) Adakah darurat yang dicadang oleh Kerajaan Persekutuan itu telah berjaya membasmi penularan COVID-19 di Pulau Pinang ataupun hanya bertujuan politik semata-mata?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

11. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membendung masalah mental terutamanya tekanan akibat COVID-19?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

12. Mohon senaraikan projek infrastruktur dan kos pembinaan yang telah dirancang di dalam DUN Seberang Jaya bagi tahun 2019 hingga 2021.
 - (a) Apakah status pelaksanaan projek tersebut?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

13. Skim Pemilikan Rumah (HOC).
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri terhadap sektor pembangunan perumahan ketika pandemik COVID-19?
 - (b) Senaraikan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pemilikan perumahan di kalangan rakyat Pulau Pinang ketika pandemik COVID-19 ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

14. Satu DUN satu Gelanggang.
- (a) Berapakah gelanggang sukan telah dibina dan dinaik taraf sejak 2018 mengikut DUN dan daerah?
 - (b) Sebagai perancangan jangka panjang, adakah peruntukan disediakan untuk penyelenggaraan gelanggang-gelanggang sukan tersebut?

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

16. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).
- (a) Apakah perkembangan terkini LPNPP yang berjaya ditubuhkan pada tahun ini?
 - (b) Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan oleh LPNPP?
 - (c) Apakah tindakan proaktif yang akan diambil oleh kerajaan tentang rumah Kos Rendah terbengkalai di dalam negeri?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

18. Sila berikan statistik mengikut daerah, penjaja kecil dan peniaga berlesen dan tidak berlesen yang terjejas akibat pandemik COVID-19 serta usaha Kerajaan Negeri membantu golongan tersebut.

Ahli Kawasan TElok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

19. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (a) Kenapakah Masjid di Taman Botanica CT tiada tapak tetap sehingga kini?
 - (b) Adakah MAINPP atau JAIPP dilibatkan dalam mana-mana permohonan dalam Kebenaran Merancang seperti agensi lain?
 - (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam hal ini?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

22. Dengan peletakan jawatan Perdana Menteri Mahiaddin Yassin dan penukaran Kerajaan Pusat, apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Pusat baru dan kesannya kepada pentadbiran kerajaan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

23. Perumahan Mampu Milik (RMM) dalam Tasek Gelugor.
- (a) Mohon senaraikan kawasan perumahan di Tasek Gelugor yang telah siap dan dalam pembinaan dengan memperincikan nama, lokasi projek, jenis rumah, jumlah unit dan harga jualan.
 - (b) Daripada jumlah tersebut, nyatakan perincian hakmilikan mengikut gender dan kaum.
 - (c) Senaraikan baki rumah yang belum dimiliki.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

24. Bermula 2011, 1,100 ekar tanah bernilai RM12.5b telah dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada antaranya syarikat Ivory Properties, Consortium Zenith, D.E.Land, Temasek, Paramount Group, Eco World dan Aspen Vision.
- (a) Kemanakah wang RM12.5b dibelanjakan untuk faedah rakyat? Senaraikan.
 - (b) Berapakah baki keluasan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas penjualan/pelupusan? Senaraikan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

25. Senaraikan projek infrastruktur, sekolah, kemudahan awam dan perumahan dalam pembinaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta nyatakan statusnya.
- (a) Senaraikan projek-projek yang mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk beroperasi.
 - (b) Apakah tindakan untuk menangani isu kelewatan, kenaikan harga bahan-bahan binaan dan kos pembinaan?
 - (c) Adakah Pelan Pemulihan akan diketengahkan?

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

26. Kebajikan Sukan.
- (a) Sejak Tabung Penang Athlete Career Education (PACE) diwujudkan, berapakah atlet Negeri Pulau Pinang telah mendapat manfaat di bawah tabung tersebut?
 - (b) Dari segi kerjaya, adakah pihak Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada jurulatih sepenuh masa atau separuh masa yang terjejas akibat penutupan sektor sukan dan rekreasi sepanjang pandemik COVID-19?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

27. Bangunan Pasar Pulau Tikus.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai rancangan untuk menaik taraf bangunan Pasar Pulau Tikus dan sekiranya ada, berapakah anggaran kos?
 - (b) Berapa lamakah jangka masa jika projek ini akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

28. Ekonomi telah banyak terjejas akibat pandemik COVID-19, adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula pelaksanaan projek mega seperti Penang Transport Master Plan (PTMP) dan Penang South Reclamation (PSR)?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd. Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

29. Sektor pelancongan antara punca pendapatan utama penduduk di KADUN Pulau Betong lumpuh setahun akibat pandemik.
- (a) Sila jelaskan perancangan pelan tindakan untuk pemulihan sektor pelancongan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

31. Berapakah jumlah terkini pemohon rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah mengikut daerah?
- (a) Pecahan mengikut umur dan jumlah kelulusan yang telah diperolehi daripada permohonan tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

32. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bekerja dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan norma baharu dalam kehidupan sekarang. Kebanyakan rakyat mengalami masalah rangkaian Internet yang lemah di kawasan perumahan.
- (a) Apakah usaha dan penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi cabaran/masalah ini bagi memperluaskan rangkaian dan meningkatkan kelajuan Internet demi kebajikan rakyat negeri?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

33. Rancangan pembangunan berskala besar di Pulau Jerejak.
- (a) Apakah status dan perkembangan terkini projek pembangunan tersebut?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengazetkan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan UNESCO sekiranya projek pembangunan seperti yang dirancang tidak diteruskan?
- (c) Apakah kesan dan manfaat projek tersebut kepada masyarakat sekitar?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

34. Pengajaran dan Pembelajaran secara online sedang dilaksanakan untuk semua tahap pendidikan dalam suasana pandemik ini. Kerajaan Persekutuan PN telah gagal membekalkan 150,000 komputer riba kepada pelajar B40 seperti yang dijanjikan.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu para pelajar yang telah terkesan dengan keadaan ini, supaya mereka tidak tercicir dalam pendidikan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

35. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menggubal undang-undang tempatan bagi mengawal pembangunan tanah lot/lot lidi yang dijual secara berleluasa untuk pembinaan rumah?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

36. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan jumlah lot yang disewa di Penang Halal Park? Mohon diberikan perincian status dan perancangan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi perkara tersebut.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

40. Berkaitan Penang Saring COVID-19 (PSC-19).
- (a) Berapakah peruntukan keseluruhan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program ini?
 - (b) Apakah manfaatnya kepada ADUN?
 - (c) Sejauh manakah program ini membantu Kerajaan Negeri menangani kes COVID-19 di Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

41. Sektor industri perkilangan.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menggalakkan warga negara Malaysia bekerja di sektor perkilangan bagi mengurangkan khidmat warga asing?
 - (b) Berapakah jumlah warga asing yang bekerja kilang di Negeri Pulau Pinang?
 - (c) Apakah Kerajaan Negeri mendapat apa-apa pendapatan daripada setiap warga asing yang bekerja di sini?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

42. Banjir di Pulau Pinang.
- (a) Adakah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang telah dirancang siap sepenuhnya?
 - (b) Banjir masih berlaku di kawasan Parlimen Balik Pulau seperti di Sungai Rusa, Telok Bahang dan beberapa tempat lagi. Sila huraikan dengan terperinci.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

43. Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP).
- (a) Apakah status terkini pelaksanaan dasar tersebut?
 - (b) Apakah sokongan yang telah diberikan khususnya dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap penyelenggaraan perumahan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

45. Bagaimanakah draf pelan Rancangan Tempatan (RT) MBSP akan menangani perbezaan jurang pembangunan sosial dan ekonomi antara bahagian Pulau dan Seberang Perai?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

46. Pelan pembangunan dalam Tasek Gelugor.
- (a) Senaraikan projek pembangunan meliputi perumahan, perniagaan, pendidikan, pertanian dan ekonomi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam kawasan Tasek Gelugor yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.
 - (b) Senaraikan pembangunan infrastruktur dan telekomunikasi yang telah, sedang dan akan dinaik taraf. Perincikan jenis dan jumlah pembangunan mengikut lokasi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

47. Projek Tambahkan Bagan Ayam ke Telok Air Tawar.
- (a) Huraikan bentuk pembangunan, bantangkan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Impak Perikanan (FIA), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan senarai ke-3 secara terperinci.
 - (b) Huraikan status bantahan projek dalam RSSP dan mengapakah projek ini tiada dalam Rancangan Tempatan Seberang Perai (RTSP)?
 - (c) Nyatakan sebab kampung bawah senarai Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) disenaraikan dalam pembangunan terancang RTSP. Jelaskan pembangunan terancang.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

48. Adakah Kerajaan Negeri telah merangka pelan pemulihan dan strategi pembangunan pasca COVID-19?
- (a) Apakah kaedah pemudahcara mempercepatkan proses permohonan pelan pembangunan dan tanah?
 - (b) Apakah Pelan Pemulihan Usahawan Kecil dan Sederhana serta penjaja?
 - (c) Apakah strategi baru untuk membantu sektor hotel dan pelancongan selain Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PGTMP)?

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

49. Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak yang amat besar kepada Industri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.
- (a) Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani situasi ini dan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kelestarian industri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

50. Apakah perkembangan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap menggunakan garis panduan aksesibiliti sejagat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri?
- (a) Adakah kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) akan menggunakan garis panduan ini dalam kelulusan dalam Jawatankuasa *One Stop Centre* (OSC)?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

51. Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang menaikkan cukai pintu dan cukai tanah dalam keadaan ramai kehilangan mata pencarian dan perniagaan merosot akibat daripada pandemik COVID-19?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

52. Pesakit di KADUN Pulau Betong sering menghadapi masalah kenderaan (pengangkutan) ke Hospital Besar Pulau Pinang. Mereka ini miskin dan tidak mampu bergerak.
- (a) Apakah syor untuk membantu golongan pesakit ini?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

53. Senaraikan bilangan keluarga yang telah diusir keluar kerana tidak mampu bayar sewa atau rumah dilelong akibat COVID-19 mengikut daerah dan jenis hartanah sejak 2020.
- (a) Apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka yang hilang tempat tinggal?
- (b) Kenapa kerajaan tidak melaksanakan moratorium untuk hentikan pengusiran keluar penyewa yang tidak mampu bayar sewa?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

54. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada bidang pertanian, penternakan dan perikanan pada tahun 2020 dan 2021 yang telah dibelanjakan terus kepada penerima?
- (a) Sila senaraikan jumlah dan jenis-jenis kategori dalam pertanian, dalam penternakan dan bidang perikanan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

55. Industri Pelancongan Negeri terjejas serius dalam pandemik COVID-19. Di kawasan Air Itam terdapat banyak tarikan pelancongan serta kawasan pelancongan. Banyak kehidupan rakyat Air Itam bergantung kepada industri pelancongan.
- (a) Apakah perancangan pemulihan atau dikenali sebagai *Exit Policy* untuk memulih industri pelancongan selain daripada memberi bantuan secara *one-off* sahaja?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

56. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk memberi vaksin kepada kanak-kanak dan pelajar sekolah?
- (a) Bilakah program pemberian vaksin kepada golongan ini akan dimulakan?
 - (b) Sila berikan data jumlah jangkitan virus COVID-19 atau varian lain terhadap golongan ini di Negeri Pulau Pinang berserta tahap jangkitan, jantina dan kategori umur.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

57. Penularan wabak COVID-19 dalam kalangan warga asing.
- (a) Sila perincikan langkah-langkah yang diambil untuk mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan warga asing.
 - (b) Apakah status terkini projek pembangunan asrama pekerja asing di Pulau Pinang?
 - (c) Perincikan tindakan yang telah diambil untuk mengawal penularan COVID-19 dalam kalangan warga asing yang tidak berdokumen.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

58. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan adakah Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf surau-surau untuk dibenarkan ibadat solat Jumaat walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah tamat?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

59. Apakah status terkini pemutihan penjaja di kawasan Taman Sutera dan sila nyatakan anggaran kos pembinaan gerai penjaja yang telah dicadangkan bagi penempatan penjaja di situ.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

60. Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTAPP).
- (a) Apakah status terkini berhubung dengan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas?
 - (b) Apakah impak pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) khususnya terhadap sektor logistik dan perindustrian Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

61. Krisis pandemik COVID-19 menjejaskan kehidupan rakyat dari segi ekonomi dan psikologi.
- (a) Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan segala bentuk bantuan disampaikan kepada rakyat bagi menghadapi krisis COVID-19 khususnya golongan ibu tunggal.
 - (b) Inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat khususnya ibu-ibu bersalin untuk kembali ke alam pekerjaan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

63. Adakah Projek JKR persekutuan FASA 6 di FT001 Nibong Tebal sudah bermula?
- (a) Sila nyatakan kos projek dan masa untuk projek tersebut.
 - (b) Adakah apa-apa pampasan dibayar kepada tanah persendirian dan berapakah struktur seperti kuil dan rumah pengebumian untuk kaum orang Cina?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

64. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah satu agensi penting bagi membantu rakyat terutama ketika pandemik.
- (a) Adakah benar pejabat JKM Barat Daya yang sekarang ini menyewa di bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Balik Pulau menghadapi masalah penyewaan premis?
 - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu JKM Barat Daya supaya dapat berfungsi dengan selesa?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

65. Tanah wakaf di Pulau Pinang.
- (a) Sebutkan jumlah pembangunan tanah wakaf dari tahun 2017 hingga kini.
 - (b) Berapakah pendapatan yang diperolehi daripada pembangunan tanah wakaf ini? Perincikan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

66. Sila nyatakan bangunan kompleks yang terbengkalai di Kawasan Bukit Mertajam dan masalahnya kepada masyarakat.
- (a) Apakah tindakan yang boleh dilakukan supaya masalah tersebut tidak menjejaskan kehidupan penduduk setempat?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

67. Apakah kesan pemilihan kontraktor yang baru dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan projek terowong dan tiga lebuh raya bernilai RM6.3 bilion, yang juga dipilih sebagai kontraktor oleh Negeri Kedah untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP)?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

69. Pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19.
- (a) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat di Pulau Pinang.
 - (b) Bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber ekonomi negeri dan rakyat dapat dipulihkan semasa dan selepas pandemik?
 - (c) Apakah pelan pemulihan jangka pendek dan jangka panjang dalam merealisasikan usaha tersebut?

3. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS UCAPAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. YUsni Bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

5. SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

6. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

YAB. Ketua Menteri memohon di bawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong.

Sokongan sebulat suara.

7. SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.


YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YAB. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

8. PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan bahawa Persidangan Dewan telah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.35 petang.



(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)
Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 30 September 2021